



26 MAR, 2022

Penyambungan semula perjalanan Ionjak pelancongan, ekonomi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Penyambungan semula perjalanan Ionjak pelancongan, ekonomi


KUALA LUMPUR: Penyambungan semula sepuhnya perjalanan darat antara Malaysia dan Singapura akan memangkinkan aktiviti perniagaan bukan sahaja untuk industri pelancongan yang telah terjejas teruk, malah memberikan dorongan kuat untuk pemulihiran ekonomi pasca-Covid-19.

Menurut kenyataan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), langkah itu akan mempertingkatkan perdagangan luar dan pekerjaan, sekali gus menyumbang kepada unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2022 antara 5.5 dan 6.5 peratus.

"MITI berperanan penting dalam memudahkan pergerakan tenaga kerja dan rakyat antara Malaysia dan Singapura yang terganggu akibat pandemik global," jelasnya dalam keadaan pada Jumaat.

Menedayai keperluan untuk mempercepatkan pembukaan semula sempadan, Jawatankuasa Pemandu Bersama yang dipengerusikan bersama oleh MITI dengan rakan sejawatan Singapura telah ditubuhkan untuk berusaha ke arah penyambungan semula perjalanan sempadan darat secara beransur-ansur, selamat, sistematik dan mamparn, tambahnya.

MITI menjelaskan Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin-Darat



MEMANGKINKAN AKTIVITI PERNIAGAAN... MITI berperanan penting dalam memudahkan pergerakan tenaga kerja dan rakyat antara Malaysia dan Singapura yang terganggu akibat pandemik global. Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin-Darat (VTL-Darat) antara Malaysia dan Singapura, yang dilancarkan pada 29 November 2021 telah memudahkan pergerakan rentas sempadan tanpa kuarantin dan lancar bagi hampir 125,000 pengembala dengan menyepadan protokol kesihatan, keselamatan dan pelepasan imigresen. Pengembala yang menerima vaksinasi lengkap dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah yang tidak divaksin sepenuhnya dibenarkan untuk melakukan perjalanan ke kedua-dua negara tanpa perlu menjalani protokol ujian dan kuarantin.

(VTL-Darat) antara Malaysia dan Singapura, yang dilancarkan pada 29 November 2021 telah memudahkan pergerakan rentas sempadan tanpa kuarantin dan lancar bagi hampir 125,000 pengembala dengan

menyepadan protokol kesihatan, keselamatan dan pelepasan imigresen.

Ita membawa kepada penyambungan semula hubungan dua hala dan ekonomi secara beransur-ansur antara Malaysia dan

Singapura yang begitu penting dalam usaha memacu usaha pemulihran ekonomi, jelasnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong semalam meng-

umumkan bahawa berkuat kuasa 1 April, pengembala yang menerima vaksinasi lengkap dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah yang tidak divaksin sepenuhnya dibenarkan untuk melakukan perjalanan ke kedua-dua negara tanpa perlu menjalani protokol ujian dan kuarantin.

Pengembala boleh melakukan perjalanan antara kedua-dua negara melalui pengangkutan darat tanpa penilaian kesihatan sempadan dan tidak lagi terhad kepada kuota terhad.

MITI menekankan bahawa VTL-Darat merupakan asas bagi usaha masa depan untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan serta pemulihran ekonomi.

Ita juga telah membolehkan pemulihran sosial dengan meneruskan atau mewujudkan semula mata pencarian, serta menghubungkan kembali mereka yang terpisah dengan orang tersayang akibat pandemik sekali gus pulang ke rumah dan bertemu kembali keluarganya, menurutnya.

Kementerian itu menekankan bahawa penyambungan semula sepenuhnya perjalanan akan meningkatkan lagi perdagangan dan pelaburan dua hala dengan Singapura ke arah pertumbuhan lebih rancak dan pemulihran ekonomi yang mamparn bagi kedua-dua negara. - Bernama



26 MAR, 2022

Penyambungan semula perjalanan lonjak pelancongan, ekonomi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Penyambungan semula sepenuhnya perjalanan darat antara Malaysia dan Singapura akan memangkinkan aktiviti perniagaan bukan sahaja untuk industri pelancongan yang telah terjejas teruk, malah memberikan dorongan kuat untuk pemulihian ekonomi pasca-Covid-19. Menurut kenyataan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), langkah itu akan mempertingkatkan perdagangan luar dan pekerjaan, sekali gus menyumbang kepada unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2022 antara 5.5 dan 6.5 peratus.